

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 30 RABU 25HB. JULAI, 1973. 1393 رابو 24 جمادي الاخير PERCHUMA



D.Y.M.M. sedang bertitah dalam Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang2 dan Pingat2 di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait pada hari Ahad lepas.

TANPA KEAMANAN DAN KESELAMATAN KEMAJUAN AKAN TERGENDALA — TITAH D.Y.M.M.

KUALA BELAIT. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei berasa sukachita bahawa raayat dan penduduk Daerah Belait telah dapat menikmati kemajuan agak bertambah dalam tempoh 12 bulan yang lalu.

Dengan izin Allah dan dengan kerjasama dari pihak2 yang berkenaan, Baginda berharap kejayaan dalam bidang kemajuan bagi daerah itu akan semakin maju supaya semua raayat dan penduduk yang jujur serta rajin berusaha akan dapat menikmati kemakmoran hasil dari usaha yang berkebakikan itu.

RAAYAT DI-SERU MENGGUNAKAN KEMUDAHAN2 DGN SEBAIK2-NYA

TUTONG. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah melahirkan rasa sukachita bahawa raayat dan penduduk di-Daerah Tutong sedang menikmati berjenis2 kesenangan hasil dari usaha2 Kerajaan Baginda.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bertitah demikian di-upacara sambutan perayaan hari Keputeraan Baginda di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong pada hari Sabtu lepas.

Duli Yang Maha Mulia juga berharap supaya raayat dan penduduk di-Daerah Tutong akan dapat menggunakan kemudahan2 yang telah di-adakan di-daerah itu dengan sebaik2-nya supaya ia-nya akan dapat di-nikmati untuk selama2-nya, bagi membolehkan Kerajaan Baginda meneruskan usaha2-nya pada mengadakan berjenis2 ranchangan Kemajuan.

Baginda bertitah ada-lah mustahak supaya semua raayat dan penduduk akan sentiasa memberikan kerjasama mereka yang erat

(Lihat muka 4)

Akan tetapi, Baginda sukachita mengingatkan bahawa tanpa keamanan dan keselamatan pada usaha dalam bidang kemajuan itu neschaya akan tergendala dan dengan yang demikian semua raayat dan penduduk hendak-lah menyedari betapa mustahak-nya keselamatan dan keamanan itu supaya sentiasa di-perlihara dan di-pertahankan.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah bertitah demikian di-Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait, pada hari Ahad lepas.

Duli Yang Maha Mulia akhirnya telah mengucapkan terima kasih kepada semua yang berkenaan yang telah berpenat lelah pada mengusahakan sambutan ulang tahun puja usia Baginda yang ke-27 tahun di-daerah itu.

(Lihat muka 4)

TINDAKAN TEGAS AKAN DI-AMBIL KAPADA SESIAPA 'MENAPOK BERAS

Amaran Pmk. M.B. kapada pekedai2

MUARA. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail memberikan amaran kepada pekedai2 di-seluruh negeri, supaya tidak melakukan penyimpanan beras, untuk tujuan menunggu harga beras naik.

Jika terdapat taukeh2 menyimpan beras untuk tujuan itu, maka Kerajaan akan melaksanakan tindakan2 yang tegas, dengan tidak membenarkan mereka menjual beras, atau lesen mereka di-potong terus dari di-benarkan berniaga.

Sabda ini telah di-lapadzkan oleh Yang Amat Mulia itu, sa-masa memberikan penerangan, dan penjelasan2 dalam majlis dailog dengan raayat di-Dewan Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin Pekan Muara pada hari Jumaat lepas.

Y.A.B. Pemangku Menteri Besar juga memberikan amaran akan melaksanakan tindakan2 melalui undang2, jika di-dapati ada-nya kalangan2 yang membawa

lari beras dari Brunei, untuk di-jual ka-kawasan2 yang bukan di-punyai oleh Brunei, di-mana harga beras berlipat ganda dari harga yang di-jual di-negeri ini.

Yang Amat Mulia menegaskan, jika thabit kesalahan orang2 yang

(Lihat muka 8)

Penyibar khabar2 angin boleh di-denda dan penjara

MUARA. — Kerajaan tidak akan ragu2 pada melaksanakan tindakan2 melalui undang2 terhadap penyibar2 khabar2 angin yang boleh menimbulkan kekhawatiran terhadap keselamatan orang ramai serta memporak perandakan ketenteraman dan keamanan negara.

Amaran ini telah di-sabdakan oleh Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail dalam majlis dailog yang berlangsung di-Pekan Muara Jumaat lepas.

Yang Amat Mulia itu bersabda, orang2 yang menyebarkan khabar2 angin yang tidak berasas itu di-sifatkan beliau sa-bagai orang2 yang tidak bertanggung jawab terhadap bangsa dan negara-nya, di-samping menjadi duri dalam daging di-waktu2 negara sedang giat mengusahakan perkembangan2-nya.

Memikirkan betapa perlu-nya penyibar khabar2 angin itu di-basmi, Yang Amat Mulia itu bersabda, kerajaan dibawah Duli

(Lihat muka 8)

Empat buah kedai di-potong dari daftar pembeli2 beras

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah memerintahkan empat buah kedai di-Bandar Seri Begawan supaya di-potong dari daftar pembeli2 beras di-Setor2 dan Perbekalan Negara.


Kedai2 itu ia-lah kedai A. Muthian di-Jalan McArthur, Chop Aik Tai di-Jalan Sultan, kedai Sin Guan Lee di-Jalan Robert dan Chop Kim Seng Choon di-Jalan Chevalier.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menyeru orang ramai supaya memberikan kerjasama mereka yang sepenohnya untuk membuat laporan2 segera jika di-dapati kedai2 yang

(Lihat Muka 8)



Kapal layar "Puteri Laila Mendirani" persembahkan Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan yang telah memenangi hadiah pertama dalam perarakan kereta berhias siang dan malam.



Kepala perarakan yang pasokan Kampong Tamoi Tengah yang telah memenangi tempat pertama dalam perarakan tanglong berjalan kaki bahagian kampung2.

Pertunjukan Buku tahunan BATEFL

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Guru2 Bahasa Inggeris sa-bagai Bahasa Asing Brunei (BATEFL) akan mengadakan Pertunjukan Buku2 Tahunan yang pertama di-dewan pameran Dewan Bahasa dan Pustaka sa-lama dua hari, 28hb. dan 29hb. Julai.

Beberapa buah penerbit dan kedai2 buku tempatan akan mengambil bahagian dan beribu2 buah buku akan di-pamerkan.

Pertunjukan tersebut akan dibuka kepada orang ramai mulai dari 8.00 pagi hingga tengah hari dan dari 2.00 petang hingga 8.00 malam pada tiap2 hari.

Pembukaan rasmi pertunjukan itu di-jadualkan di-adakan pada jam 2.30 petang hari Sabtu 28hb. Julai di-Dewan Raya.

Dalam upacara itu juga akan di-adakan penyampaian hadiah2 kepada pemenang2 pertandingan mengarang keselamatan jalan raya yang telah di-adakan baru2 ini.

Sa-orang juruchakap persatuan itu meminta penuntut2 yang berjaya supaya hadir di-Dewan Raya pada hari Sabtu, 28hb. Julai jam 2.00 petang untuk menerima hadiah2.

Berikut ini ada-lah penuntut2 yang berjaya dalam peraduan itu.

Pemenang pertama dalam bahagian Inggeris sekolah2 rendah ialah Mohd. Idris Gapor, dari Maktab Anthony Abell, Seria; kedua — Lim Siew King, St. Andrews School; dan ketiga Mahani bte.

Sani, juga dari Maktab Anthony Abell.

Hadiah2 sagu hati di-berikan kepada Khairi Aidit, dan Lim Leh Shee dari Sekolah Persediaan Inggeris; Asiah bte Karna dan Rakiah bte. Aw. Mukkim dari Sekolah Persediaan Inggeris Anggerik Desa; Ida Rajaratnam, St. George's School; Mariani bte. Ag. Damit, Maktab Anthony Abell; Wun Chu Mei dan Mary Chua dari Sekolah St. Michael dan Lawrence Wong, Sekolah St. Andrew.

Pemenang pertama dalam bahagian aliran Melayu di-menangi Hlamdani Mohd. Yassin dari S.M.M. Mohammad Alam, Seria, kedua — Abdul Rahman Chuchu, S.M. Sinaut dan ketiga — Halimah Abd. Rahman, Sek. Ugama Madrasah.

Hadiah sagu hati Jennifer Narcis, S.M. Muda Hashim; Saliah bte. Ibrahim, S.M. Dana; Susy Chu Yun, Annie Poh Chong Swee Siong dan Chong Sui Moi kesemua-nya dari Sek Chung Ching, Seria; Zaleha bte. Dollah, Katini Blair dan Zainuddin bin Lani kesemua-nya dari S.M. Mohammad Alam dan Dk. Rosminah bte Pg. Mohammad dari S.M. Datu Gandi.

Sung Yun Yin dari Sekolah St. Angela Convent mendapat tempat pertama dalam bahagian Inggeris Sekolah2 Menengah. Tessa M. Dissanayake dan Arrifin bin Bu-

(Lihat muka 6)

AHLI2 J/K PERANCHANG KEMAJUAN NEGARA MELAWAT LOGI PENCHAIRAN GAS ASLI

LUMUT. — Sa-ramai 15 orang ahli2 jawatankuasa Peranchang Kemajuan Negara termasuk ahli2 dalam beberapa buah jawatankuasa kecil-nya telah mengadakan lawatan ka-Logi Penchairan Gas Asli di-Lumut, Seria pada hari Khamis lepas.

Di-antara yang mengikuti rombongan itu, termasuk-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Husain dan Pengarah Unit Peranchang Ekonomi, Awang Selamat bin Munap.

Keputusan perarakan kereta, basikal berhias dan tanglong j-kaki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah berjaya memenangi tempat pertama dalam perarakan kereta berhias siang dan malam yang telah di-adakan bersempena sambutan puja usia D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Daerah Brunei-Muara yang telah di-adakan pada hari Isnin minggu lalu.

Pemenang kedua perarakan siang dan malam ia-lah Jabatan Hal Ehwal Ugama. Jabatan Kerja Raya mendapat tempat ketiga dalam perarakan siang manakala Jabatan Bomba mendapat tempat ketiga dalam perarakan malam.

Dalam perarakan basikal berhias, Persatuan PERKASA mendapat tempat pertama dalam perarakan siang dan mendapat tempat ketiga dalam perarakan malam.

Awang Mustapa bin Haji Mohammad mendapat tempat pertama perarakan malam dan tempat kedua dalam perarakan siang Ag. Apang Laman mendapat tempat kedua bahagian malam dan ketiga bahagian siang.

Berikut ini ia-lah keputusan perarakan tanglong berjalan kaki:

BAHAGIAN SEKOLAH2 RENDAH: Pertama — S.M. Puser Ulak, kedua — Sekolah Persediaan Inggeris BSB dan ketiga S.M. Lela Menchanai.

Hadiah sagu hati: S.M. Chung Hwa, S.M. Raja Isteri Fatimah, Sekolah Persediaan Inggeris Anggerik Desa. Gabungan Sekolah Inggeris dan Melayu Amar Pahlawan dan S.M. Pintu Malim.

BAHAGIAN MAKTAB2 DAN SEKOLAH2 MENENGAH: Pertama — Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah, kedua — Asrama Maktab SOAS dan ketiga — Maktab Perguruan Ugama.

Hadiah2 sagu hati: S.M. SMJA (Bhg. 'B'), Maktab SOAS, S.M. Arab Raja Isteri Anak Damit, S.M.M. SMJA (Bhg. 'A') dan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.

BAHAGIAN PERSATUAN2 BELIA/KERAJIKAN: Pertama — Persatuan IKLS, kedua — Persatuan Periti dan Ketiga — Persatuan Kampong Sungai Pandan (PERWIRA).

Hadiah2 sagu hati: Persatuan Angkatan Baru Kg. Belimbing, Persatuan Pandai Besi, Persatuan PIKAP, Persatuan Pemuda/i Kg. Sg. Kedayan dan Persatuan KUBU.

BAHAGIAN KAMPONG2: Pertama — Kampong Tamoi Tengah, kedua — Kampong Batu 2, Jalan Gadong dan ketiga — Kampong Pancha Delima.

Hadiah sagu hati: Kampong Delima Satu, Kg. Saba Tengah, Kg. Saba Darat, Kg. Lumapas dan Kg. Setia.

Ketibaan rombongan itu telah di-alu2kan oleh Pengurus Urusan Kerja LNG, Awang A. Ploum.

Di-bilek persidangan, rombongan itu telah di-beri penerangan2 berhubung dengan kerja2 pengolahan dan pengeluaran gas asli dari Brunei ka-seberang laut dan seterusnya di-bawa melawat ka-sekitar kompleks perusahaan itu.

Rombongan itu telah juga di-bawa melawat ka-Bilek Kawalan yang menjadi nadi dalam pelaksanaan perusahaan penchairan gas asli di-Lumut itu yang di-penuhi dengan peralatan2 moden.

Dalam lawatan sa-lama kira2 lima jam itu, rombongan tersebut telah sempat berdialog dengan Pengurus Urusan Kerja LNG yang berkisar dari masaalah2 pemodalan, penubuhan perusahaan hingga-lah kepada pekerja2 yang terdapat di-dalam-nya.

Awang Ploum berkata bahawa dalam perusahaan itu terdapat 320 orang pekerja dan 15 peratus daripada-nya ada-lah terdiri dari anak2 tempatan yang bertugas dari peringkat kejuruteraan hingga-lah ka-bahagian pentadbiran dan buroh.

Beliau menerangkan bahawa LNG memang bersedia mengambil bekerja anak2 tempatan yang berkebolehan serta menggalakkan mereka untuk menjalani latihan2 dalam lapangan2 pekerjaan kemahiran yang di-kehendaki oleh perusahaan itu.

Mengakhiri dialog itu, Pengarah Unit Peranchang Ekonomi, Awang Selamat, mensifatkan lawatan rombongan itu sa-bagai satu perkara yang menarek, terutama sekali bilamana mengikuti penjelasan2 yang di-anggap penting bagi membantu meneguhkan perkembangan ekonomi negara.

Atas layanan2 yang baik itu, beliau menguchapkan terima kasih kepada pihak LNG dan berharap kegiatan2 perusahaan itu akan menimbulkan lagi satu taraf yang baik kepada Brunei.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM

MENJAGA KESELAMATAN ADA-LAH TANGGONG — JAWAB SA-TIAP ANGGOTA MASHARAKAT

SALAH satu prinsip atau dasar Islam yang perlu di-fahami oleh semua orang ia-lah menjaga keselamatan masharakat ada-lah tanggong-jawab sa-tiap anggota bagi sa-sebuah masharakat. Menurut ajaran Islam, tiada sa-orang pun yang bebas dari tanggong-jawab terhadap keselamatan masharakat.

Dalam hubungan ini Allah Subhanahu-Wataala telah metakkan sa-tiap orang perse-orangan di-dalam masharakat Islam sekali gus menjadi pemimpin dan orang yang dipimpin. Ini telah di-tegaskan oleh sa-buah hadits Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Semua kamu pemimpin, semua pemimpin bertanggung-jawab terhadap apa yang di-bawah pimpinan-nya".

Kerana itu ada beberapa kewajipan dan tanggong-jawab yang mesti di-pikul dan di-laksanakan oleh sa-tiap anggota masharakat demi untuk menjaga keselamatan masharakat, di-antara-nya ia-lah saling tolong menolong dan bekerjasama pada batas2 ke-taatan dan kebajikan, sa-bagaimana yang di-perintah oleh Allah Adza-Wajjala di-dalam surah Al-Maedah ayat dua yang bermaksud:

Bekerjasama-lah kamu antara satu dengan yang lain untuk melaksanakan perkara2 yang berkebajikan dan taqwa, dan jangan-lah sekali2 kamu bekerjasama untuk melakukan kejahatan dan permusuhan".

Perkara2 yang berupa kebajikan itu amat-lah luas-nya, dari perkara2 yang besar hingga-lah perkara2 kecil yang di-anggap dan di-sifatkan kebajikan menurut ukuran shari'at Islam. Ini termasuk-lah perkara2 ibadat dan perkara2 yang menyentoh soal2 kehidupan manusia dan masharakat. Ia-nya merangkum soal2 penumpuan taat setia kepada Raja dan pemerintah, kepatuhan terhadap undang2, pengawalan dan keselamatan masharakat dan negara oleh sa-tiap anggota masharakat dan sa-bagai-nya.

Kemudian sa-tiap anggota masharakat bertanggung-jawab pula bagi melaksanakan satu dasar menyuruh berbuat kebajikan dan melarang membuat kejahatan. Sebab dengan terlaksananya dasar ini baharu-lah keselamatan masharakat akan terjamin dengan sempurna-nya. Kerana itu sa-

KHUTBAH JUMA'AT

tiap anggota masharakat di-wajibkan untuk menche-gah perbuatan mungkar bila di-lihat-nya, sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Siapa di-antara kamu yang melihat perbuatan mungkar, hendak-lah di-che-gah dengan kekerasan, siapa yang tidak sanggup boleh dengan lisan, siapa juga yang tidak sanggup maka boleh-lah dengan hati, tetapi ini ada-lah sikap orang2 yang paling lemah iman-nya".

Penche-gahan dengan keke-rasan itu termasuk-lah antara lain dengan mengadakan dan melaksanakan undang2 tertentu dan sa-tiap orang mestilah mematuhi-nya demi untuk menegakkan keselamatan bersama dalam masharakat. Penche-gahan dengan lisan pula termasuk-lah melalui sibaran am saperti radio, akhbar dan majalah2 yang bermutu dan baik di-samping nasihat2, dai-log2, sharahan2 dan sa-bagai-nya.

Dalam saat2 kita bergembira dan bersukor kerana menyambut dan merai'kan puja usia kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ini, mari-lah kita bersatu hati menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Baginda dan Kerajaan Baginda, berwaspada dan berhati2 terhadap anasir2 jahat yang boleh menjeaskan keselamatan kita dan negara kita dan bekerjasama untuk membentok sa-buah masharakat yang kukuh, bersatu padu dan mak-mor di-negara kita Brunei Darus Salam.

Semoga Allah melanjutkan usia kebawah Duli Yang Maha Mulia serta keluarga dan kerabat2 Diraja sekalian di-dalam sehat, aman tenteram. kekal karal memerintah di atas takhta singgahana, amin ya rabbal alamin.



T.Y.T. Pesurohja Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautry me-nyampaikan perisai kejohanan dan piala rebutan kepada Awang Ali-don bin Haji Laidin dari Daerah Brunei-Muara yang telah munchol sa-bagai johan dalam perlawanan kuntaw.

Perlwaran itu telah di-adakan di-Istana Darul Hana sa-bagai salah satu acara sambutan puja usia D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan ke-27.

Lebeh \$130,000 di-bayar untuk perkhidmatan kebajikan penchen

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Penchen2 Negara telah membayar sa-jumlah \$130,137.50 untuk perkhidmatan kebajikan penchen di-seluruh negeri dalam bulan Jun yang lalu.

Menurut penyata pembayaran kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Penchen Negara menunjukkan \$125,050.00 di-bayar bagi penchen umur tua; \$4,362.50 bagi penchen orang buta serta tanggongan-nya dan \$725.00 di-bayar bagi alaan orang2 tanggongan penyakit kusta dan gila.

Berikut ini ia-lah penyata kasar menunjukkan pembayaran bagi tiap2 daerah:

PENCHEN UMUR TUA

Daerah Brunei dan	
Muara	\$ 69,750.00
Daerah Belait	23,500.00

Daerah Tutong	25,300.00
Daerah Temburong	6,500.00
Jumlah:	125,050.00

PENCHEN ORANG2 BUTA SERTA TANGGONGAN- NYA

Daerah Brunei dan	
Muara	\$ 3,000.00
Daerah Belait	562.50
Daerah Tutong	575.00
Daerah Temburong	225.00
Jumlah:	4,362.50

ALAON ORANG TANGGONGAN PENYAKIT KUSTA DAN GILA

Daerah Brunei dan	
Muara	\$ 462.50
Daerah Belait	200.00
Daerah Tutong	62.50
Daerah Temburong	—
Jumlah:	725.00

Tutong jadi johan

SERIA. — Pasokan Tutong telah munchol sa-bagai johan dalam perlwaran hoki enam sa-pasokan apabila ia mengalahkan pasokan Panaga dengan tiga gol tidak berbalas yang telah di-langsungkan di-padang S.R.C. baru2 itu.

Perlwaran tersebut anjoran Persatuan Hoki Daerah Belait-Seria telah di-jalankan sa-chara kalah mati.

Pasokan Panaga ada-lah naib johan sementara tempat ketiga di-menangi oleh pasokan B.T.T.C.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 25hb. Julai, 1973 hingga ka-hari Selasa 31hb. Julai, 1973 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Terbit
25hb. Julai	12-32	3-50	6-42	7-53	4-42	4-57	6-15
26hb. Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
27hb. Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
28hb. Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
29hb. Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
30hb. Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
31hb. Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(25hb. Julai, 1973).

FITNAH

KHABAR2 angin yang tidak berasaskan kebenaran merupakan satu bahaya yang amat dashat atau ancaman fikiran yang sentiasa di-bendong oleh perasaan resah gelisah, takut dan chemas dan bermacam2 lagi perasaan yang menimbulkan reaksi2 yang kurang menyenangkan.

Masalah itu timbul di-majlis dailog di-Pekan Muara baru2 ini yang kita percaya ada salah sa-orang penduduk di-situ yang sa-chara tulus ikhlas bertanya ingin tahu bahawa benar-kah Brunei kekurangan beras yang menyebabkan taukey2 kedai konon-nya bersungut kerana beras habis dalam simpanan mereka untuk di-jual kepada orang ramai.

Kita percaya Brunei masih belum kekurangan beras seperti mana yang di-sangkakan itu atau khabar2 angin yang seng-haja di-putar belitkan kerana beras dalam simpanan Setor Kerajaan ada-lah mencukupi dalam jangka masa sa-lama satu tahun atau lebih berdasarkan jumlah penduduk yang ada sekarang.

Tentu-lah kita merasa heran, mithal-nya jika peruntukan beras simpanan mencukupi dalam tempoh sa-tahun, tiba2 ia-nya merusot hanya cukup sa-kadar 10 bulan saja sedangkan penduduk-nya tidak bertambah.

Menyedari perkara tersebut, Kerajaan telah segera bertindak menyelidiki, menyiasat dengan rapi dan teliti dan akhirnya hingga sa-takat ini sa-banyak empat buah kedai di-Bandar Seri Begawan telah di-potong dari daftar membeli beras di-Setor Kerajaan kerana mereka telah melanggar dari peraturan2 tujuan pembekalan beras di-negeri ini.

Kita sa-bagai rakyat dan penduduk di-negeri ini merasa bershukor dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sentiasa mementingkan kehidupan rakyat-nya sa-hingga terhindar dari membeli beras dengan harga yang tinggi, seperti di-negeri2 lain itu.

Khabar2 angin yang konon-nya Brunei kekurangan beras dan harga beras akan naik dalam sedikit hari lagi ada-lah khabar2 yang tidak berasaskan kebenaran sama sekali.

Dengan sebab itu Y.A.B. Pmk. M.B. pernah menyatakan bahawa Kerajaan tidak akan ragu2 pada melaksanakan tindakan melalui undang2 terhadap penyibar khabar2 angin yang boleh menimbulkan kekhawatiran terhadap keselamatan orang ramai dan memporak-perandakan ketenteraman.

Berthabit dengan perkara itu Kerajaan telah pun meluluskan undang2 tersebut dan ia-nya telah pun di-kuatkuasakan untuk menghukum siapa juga yang di-dapati bersalah kerana menyebarkan khabar2 angin yang berupa fitnah itu.

Orang ramai hendaknya-lah tidak mudah terpengaruh terhadap khabar2 angin yang tidak berasas itu dan ada-lah lebih baik bagi mereka mengemukakan kepada pihak2 yang berkenaan untuk mendapatkan kepastian.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan (kiri sekali) bersama2 dengan pembesar2 negara menadah tangan untuk mengaminkan do'a yang di-bacakan oleh Kadzai Daerah Tutong, Awg. Haji Ishak bin Adam dalam Istiadat Perbarisan Kehormatan di-Tutong pada hari Sabtu lepas.

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-Daerah2 Tutong, Belait dan Temburong untuk memeriksakan perbarisan kehormatan bersempena hari keputeraan Baginda yang ke-27 tahun.

Duli Yang Maha Mulia telah berangkat ka-Daerah Belait pada hari Sabtu, 21hb. Julai dan memeriksakan barisan kehormatan yang terdiri dari anggota Polis Diraja Brunei dan sa-telah itu menyampaikan titah dan mengurniakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 dalam satu Istiadat Mengadap dan Menyampaikan Bintang2 dan Pingat di-Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait.

Pagi semalam, Duli Yang Maha Mulia memeriksakan barisan kehormatan di-Daerah Temburong. Seperti juga di-Daerah2 Tutong dan Belait, Duli Yang Maha Mulia juga telah menyampaikan titah dan mengurniakan Bintang2 dan Pingat2 kepada rakyat Baginda di-Daerah Temburong.

D.Y.M.M. memeriksakan barisan Polis Diraja Brunei dalam Istiadat Perbarisan Kehormatan di-Kuala Belait.



Kerjasama raayat ada-lah mustahak

(Dari Muka 1)

khusus-nya kepada pasokan2 keselamatan yang bertugas di-Daerah Tutong.

Duli Yang Maha Mulia juga mengucapkan terima kasih kepada semua yang berkenaan yang telah menyumbangkan tenaga sempena perayaan hari ulang tahun Baginda yang ke-27 di-daerah itu.

Terdahulu dari itu, Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Jaafar telah menyampaikan ucapan terima kasih bagi pihak pegawai2 Kerajaan dan penduduk2 di-Daerah Tutong atas keberangkatan Baginda ka-Istiadat itu.

Bagi pihak pegawai2, kaki-tangan Kerajaan dan penduduk2 di-Daerah Tutong, Pegawai Daerah itu juga menyampaikan ikrar taat setia dan akan menumpukan tenaga dan usaha untuk melaksanakan apa juga rancangan Kerajaan yang berfaedah dan berkebaikan di-daerah itu.

Di-Istiadat itu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan juga telah mengurniakan Bintang Kebesaran dan Pingat2 Kehormatan yang telah di-bacakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh.

Sarjan Abdul Gapor bin Haji Abdul Rashid telah di-kurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia, Darjah ke-empat, PSB, Awang Haji Yassin bin Hj. Hassan di-kurniakan Pingat Jasa Kebaktian dan tiga orang lagi

di-kurniakan Pingat Kerja Lama.

Mereka ia-lah Awang Daud bin Saban, Orang Kaya Seri Dewa Awang Haji Mohamed Salleh bin Abdullah dan Yang Mulia Pengiran Daud bin Pengiran Burut.

Di-antara pembesar2 negara yang hadir di-Istiadat itu termasuklah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautry, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkiah Penasehat Umum Kerajaan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan, Pehin Orang Kaya

Ikrar taat setia rakyat dan penduduk Daerah Belait

(Dari muka 1)

Terdahulu sa-belum itu, Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar telah menyampaikan ucapan terima kasih bagi pihak pegawai2 kerajaan dan rakyat serta penduduk di-Daerah Belait atas keberangkatan Baginda ka-daerah itu.

Bagi pihak pegawai2 kerajaan dan rakyat serta penduduk Daerah Belait, Yang Amat Mulia itu juga menyampaikan ikrar taat setia yang tidak berbelah bagi terhadap Baginda dan kerajaan Baginda.

Di-istiadat itu, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara juga menyampaikan terima kasih atas segala usaha2 baik kerajaan Baginda bagi memberikan kesenangan2 dan kemewahan2 rakyat dan penduduk2 di-daerah itu.

Duli Yang Maha Mulia telah juga menerima sembahsan ucapan keshukoran dari penduduk2 Melayu Daerah Belait, orang2 Tiong Hwa dan penuntut2 dan murid2 sekolah daerah tersebut.

Di-Istiadat itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah juga mengurniakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 Kehormatan yang telah di-bacakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana, Pengiran Hj. Mokhtar Puteh.



D.Y.M.M. dengan menaiki Land Rover ketika memeriksakan barisan yang terdiri dari perubohan2 awam yang menyertai perbarisan kehormatan di-Kuala Belait pada hari Jumaat lepas.

Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa, Pehin Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Wazir2, Pehin Menteri Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Dato Paduka Haji Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria Pehin Menteri Pendalaman, Ketuan Jabatan dan pemimpin2

Istiadat itu telah di-akhiri dengan bacahan do'a selamat oleh Kadzai Daerah Tutong, Awang Haji Ishak bin Adam.

Awang G.C. Harper telah di-kurniakan Darjah Paduka Seri Setia Yang Amat Berjasa Ketiga dan Darjah Mahkota Ketika Yang Amat Mulia Pengiran Sultan dan Yang Di-Pertuan telah di-kurniakan Pingat Jasa Kebaktian.

Limah orang telah di-kurniakan Darjah Setia Negeri Brunei Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh.

Awang Haji Ahmad bin Haji Ahmad dan Awang Ali bin Ahmad masing2 telah di-kurniakan Pingat Jasa Kebaktian.

Tujuh orang telah di-kurniakan Pingat Kerja Lama. Mereka Awang Abdul Hamid bin Yusof, Awang Mohamed Yusof bin Bilun, Sarjan Major Awang Mahmud bin Hamid bin Mat, Sarjan Hassan bin Ibrahim bin Pengiran Zainal bin Pengiran Ahmad.

Istiadat mengadap dan mengurniakan Bintang2 dan Pingat2 Kehormatan telah di-akhiri dengan do'a selamat oleh Yang Di-Pertuan Pehin Dato Seri Utama Awang Ismail bin Omar Abdul



D.Y.M.M. sedang menerima ucapan keshukoran dari Penduduk Melayu Daerah Belait yang di-sampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sapawi bin Metasim.



Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Jaafar menyampaikan ucapan keshukoran bagi pihak pegawai2, kaki-tangan kerajaan dan rakyat serta penduduk di-daerah itu.

Penulis2 di-seru supaya "memutek" butir2 sejarah utk di-bukukan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin mengharapkan kepada penulis2 tanah ayer supaya "memutek" butir2 mutiara sejarah negeri ini untuk di-kaji dan di-selidiki dan sa-terus-nya di-susun menjadi sa-buah lagi buku sejarah Brunei.

Demikian sabda aluan Duli Yang Teramat Mulia itu dalam terbitan buku "Chatatan Sejarah Perwira2 dan Pembesar2 Brunei" Jilid Ke-2 yang di-susun oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja,

Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Md. Jamil Al-Sufri.

Buku itu di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan ia-nya boleh di-dapati di-wakil2 penjual-nya di-seluruh negeri atau terus ka-Dewan Bahasa dan Pustaka di-Bandar Seri Begawan. Harga bagi sa-buah buku itu ia-lah \$3.70 sen. Jilid Pertama buku itu juga boleh di-dapati dengan harga \$3.00 sa-buah.

Mengalut penerbitan buku "Chatatan Sejarah Perwira2 dan Pembesar2 Brunei" itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan mensifatkan-nya sa-bagai yang merupakan suatu laila usaha yang berkebakikan dan ada-lah sesuai dengan pembangunan bangsa dan negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia itu bersabda, di-tinjau dari sudut pengkajian sejarah Negara Brunei serta isi di-dalam-nya, buku itu akan merintis ka-arrah suatu pengkajian yang lebih menyeluruh.

Bersabda tentang pengkajian sejarah negeri ini, Duli Yang Teramat Mulia itu berpendapat bahawa apa yang lebih mustahak ia-lah pengkajian2 itu akan di-sandarkan kepada chita-rasa dan kacamata orang Brunei dari bumi Brunei sendiri.

Pada masa ini, sabda Duli Yang Teramat Mulia, sa-bahagian besar butir2 sejarah mengenai Negara Brunei serta isi di-dalam-nya tersimpan dalam mikro-film2, dokumen2 dan tutoran2 orang tua2, sementara yang sudah tersusun dalam bentuk buku pula ada-lah di-tulis oleh orang2 asing yang melihat kejadian2 di-Brunei itu sa-bagai pemerhati2 saja.

Karena itu, Duli Yang Teramat Mulia berharap supaya akan timbul inisiatif yang lebih banyak di-kalangan penulis2 tanah ayer untuk memutek, mengkaji dan menyelidiki butir2 mutiara sejarah negeri ini untuk di-bukukan seperti penyusunan buku "Chatatan Sejarah Perwira2 dan Pembesar2 Brunei" itu.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan saterusnya bersabda, usaha bakti dan jasa orang2 yang terdahulu meninggalkan kita atau mereka yang pada zaman-nya mengombakkan Sungai Brunei kepentingan negeri ini, patutlah di-rista dan di-kenang sa-panjang zaman.

Bersabda mengenai dengan soal menjadi ristaan itu, Duli Yang Teramat Mulia itu menekankan, tidak kira siapa yang berbuat bakti dan jasa itu, tetapi keturunan2 yang terkemudian hendaklah mengenang dan merista-nya, kerana dengan bakti dan jasa mereka-lah keturunan yang ada sekarang dapat hidup lega dan menikmati rahmat dari Allah.

Kenangan terhadap mereka yang berbakti dan berjasa itu di-tamalkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan sa-bagai "jatoh ka-laut menjadi pulau, jatoh ka-darat menjadi gunung".

Pembesar2 Negara seperti Raja Bendahara Sakam, Sultan Muham-

(Lihat muka 8)

MELANCHONG KA-M'SIA BARAT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kesatuan Perkhidmatan Kerani2 dan Peon2 Kerajaan Brunei akan mengelolakan satu rombongan untuk melanchong ka-negeri2 di-Malaysia Barat iaitu negeri2 Pantai Timor dan Pantai Barat pada 30hb. Ogos 1973. Lawatan sa-lama 14 hari itu ada-lah terbuka untuk ahli2 kesatuan dan keluarga serta sahabat handai. Tempat2 yang akan di-lawati termasuk-lah Melaka, Cameron Highland, Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur, Kuantan, Kota Bharu di-Kelantan dan lain2 tempat yang menarek. Tambang bagi tujuan tersebut ia-lah sa-banyak \$575/- bagi sa-orang termasuk tiket kapal terbang BSB/S'pura/BSB, tempat penginapan, makan dan sarapan pagi. Lain2 keterangan boleh-lah di-dapati dari Awg. Abu Bakar bin Haji Ishak, d/a Pejabat Peguam Negara, Brunei, selaku Pengurus bagi pelanchongan tersebut.

Ada-lah juga di-ingatkan kapada mereka2 yang telah mendaftar untuk mengikuti rombongan ini supaya dapat menjelaskan tambang2 mereka sa-berapa awal yang boleh demi untuk melichinkan lagi segala urusan2 yang berkaitan dengan pelanchongan ini kapada Pengurus pelanchongan.

(Dari muka 2)

ranudeen dari Maktab SOAS masing2 mendapat tempat kedua dan ketiga.

Faridah bte. Ibrahim dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri memenangi tempat pertama dalam bahagian Inggeris Sekolah Rendah, tempat kedua — Bernadette Simons dari Sek. St. Angela's Convent dan pemenang ketiga ia-

Lumba kerbau di-Tutong

TUTONG. — Satu temasha perlumbaan kerbau sempena sambutan hari puja usia kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Daerah Tutong,

lah Sapah Ali dari Maktab Anthony Abell.

Pemenang pertama dalam bahagian bukan Inggeris Sekolah Rendah di-menangi oleh Wong Siu Ling dan pemenang kedua Yong Liong Kwong kedua-nya dari Sek. Chung Ching. Seria dan tempat ketiga di-menangi oleh Abdul Karim Haji Abu Bakar, S.M.M. Mohammad Alam Seria.

akan di-adakan pada pagi hari Ahad 29hb. Julai, bertempat di-kawasan Pantai Seri Kenangan, Tutong.

Perlumbaan itu terbuka kapada penduduk2 di-Daerah Tutong dan mereka yang ingin menyertai-nya boleh-lah berhubung dengan jawatankuasa peraduan, di-Pejabat Daerah Tutong.

Perlumbaan itu terbahagi kapada tiga bahagian, ia-itu perlumbaan lari-lurus: lumba berpasokan berganti2 dan lari mengambil barang.

GURU2 dari sekolah2 rendah Melayu di-kawasan Brunei III bergambar ramai dengan pegawai2 bimbingan sa-telah menamatkan kursus Bahasa Inggeris sa-lama dua minggu yang telah di-adakan di-Sekolah Melayu Datu Gandi awal bulan ini. Dudok nombor lima dari ia-lah kiri Nazir Sekolah2 Melayu Brunei III, Che'gu Shahbudin bin Saleh.

Kursus tersebut ada-lah projek Jabatan Pelajaran bagi menampung guru2 dalam pengajaran Bahasa Inggeris di-Sekolah2 Rendah Melayu seluruh negeri.



KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA No. 20/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Bunga bin Anakasu, No. 10, Kampong Merangking Hilir, Ulu Belait, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Anakasu bin Bidang yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 31 haribulan Julai, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 18 haribulan Julai, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 22/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh 1. Haji Malai Mashore bin Haji Abd. Hamid, 2. Malai Othman bin Haji Abd. Hamid, 3. Malai Yahya bin Haji Abd. Hamid, Pejabat Pos, Seria, kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Malai Damit bin Syed Mohamad @ Malai Damit bin Syed Hamid yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan

sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak2 lelaki kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 31 haribulan Julai, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 18 haribulan Julai, 1973.

SURAT KUASA PESAKA No. 23/1973.

Bahawa permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Aisah binte Ali, d/a Anapi bin Anai, Pejabat Perubatan, Kuala Belait kerana Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Anai bin Binjai yang telah meninggal dunia di-dalam Kuala Belait, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 31 haribulan Julai, 1973, pada jam pukul 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan

kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sabelum tarikh yang tersebut di-atas. Bertarikh 18 haribulan Julai, 1973.

ADMINISTRATION SUIT No. 18 OF 1973.

Application to this Court having been made by Lau Chik Yee Yung of Lot No. 2096 Jalan Lubok Nipah, Kuala Belait, State of Brunei for Grant of Probate to the estate and effects of Lau Cheong Foo late of Kuala Belait, State of Brunei deceased on the ground that applicant is lawful executor of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 31st day of July, 1973, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 18th day of July, 1973.

ADMINISTRATION SUIT No. 19 OF 1973.

Application to his Court having been made by Madam Margaret Hugh Set Fa (Mrs. Chin Su Khiew) of F19/42, B.S.P. Ltd. quarters, Seria, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of James Chin Su Khiew late of Seria, State of Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful wife of the deceased.

Notice is hereby given that appli-

cation will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 31st day of July, 1973, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 18th day of July, 1973.

ADMINISTRATION SUIT No. 21 OF 1973.

Application tot his Court having been made by 1. Ho Wah Sang @ Hoh Chang, 2. Ho Ah Ching @ Ho Wah Ching of No. 5, Jalan Sultan Omar Ali, Seria, State of Brunei for Grant of Probate to the estate and effects of Ho Toon Chek @ Moi Nam late of Seria, State of Brunei deceased, on the ground that applicants are lawful executors of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 31st day of July, 1973, at 9.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 18th day of July, 1973.

ALI BIN MOHD. DAUD
Tim. Pegawai Penguasa Warith,
Negeri Brunei.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Penolong Pendaftar

Mahkamah Kadzi

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya peperiksaan S.P.M. termasuk Pengetahuan Agama sa-bagai satu matapelajaran, atau
- Lulus peperiksaan S.R.P. dan Darjah VI Sekolah Agama.
- Boleh menulis dan memba-cha tulisan Jawi.

ATAU

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dalam Bahagian IV atau V dan telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 3 tahun; lulus peperiksaan Kerani2 Rendah dan tahu membaca dan menulis Jawi.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua Jabatan masing2 dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menghadapkan Laporan Sulit dan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660.

Permohonan2 mesti-lah di-pe-nohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 7hb. Ogos, 1973.

DI-JABATAN PERTANIAN

2. PEMANDU TINGKAT 1 (2 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu Class 3 dan 5 dan tidak pernah di-da'awa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah mempunyai pengalaman memandu sekurang2-nya sa-lama 5 tahun dan boleh memperbaiki kerosakan2 kecil.
- Pemohon2 mesti-lah boleh baca dan menulis dalam bahasa Melayu.

Tugas2:

Pemohon2 mesti-lah sanggup menjalankan tugas2 pada siang atau malam hari bila2 masa di-perlukan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 3 EB 4 — \$220x5-240/EB/245x5-260.

3. PEMANDU TINGKAT II (3 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu Class 3 dan 5 dan tidak pernah di-da'awa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah mempunyai pengalaman memandu sekurang2-nya sa-lama 3 tahun dan boleh memperbaiki kerosakan2 kecil.
- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 21 tahun dan tidak lebih dari 35 tahun.

Tugas2:

Pemohon2 mesti-lah sanggup menjalankan tugas2 pada siang

atau malam hari bila2 masa di-perlukan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$220x5-240.

4. PEGAWAI PERCHUBAAN (Apprentice Mechanics) (4 jawatan)

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur sekurang2-nya 17 tahun tetapi kurang dari 22 tahun. Kechenderongan dalam kerja2 mekanik merupakan suatu kelebihan.
- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah IV Melayu atau Tingkatan I Inggeris.
- Pemohon2 mesti-lah sanggup pergi dari satu tempat ke satu tempat dan menghadhiri kursus pengajaran bila2 masa

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.2 EB 3 — \$200x5-215/EB/220x5-240.

5. PEMANDU OUTBOARD TINGKATAN I (2 jawatan)

Kelayakan2:

- Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman sa-bagai Pemandu Outboard dan boleh memperbaiki kerosakan2 injin outboard.
- Mesti-lah boleh menulis dan bertutor dalam bahasa Melayu.
- Berumur antara 25 hingga 40 tahun.

Tugas2:

Chalun2 yang berjaya mesti-lah sanggup untuk berkhidmat di-mana2 daerah di-dalam negeri.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 EB 4 — \$220x5-240/EB/245x5-260.

6. PEMANDU OUTBOARD TINGKATAN II (2 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2-nya sa-lama 2 tahun dan mempunyai sedikit pengetahuan membaiki kerosakan2 kecil bagi jentera motor sangkut.

Tugas2:

Chalun2 yang berjaya mesti-lah sanggup untuk berkhidmat di-mana2 daerah di-dalam negeri.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.2 EB 3 — \$200x5-215/EB/220x5-240.

Permohonan2 mesti-lah di-pe-nohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 9hb. Ogos, 1973.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

DI-JABATAN PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

1. PENOLONG PENGAJAR, FABRICATION AND WELDING:

Kelayakan2 Minima:

- Mesti-lah lulus peperiksaan City & Guilds Bahagian I dan II dalam Fabrication Engineering Craft Practice ATAU Welding Craft Practice ATAU mempunyai kelulusan yang sa-banding yang di-iktiraf.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman praktikal sekurang2-nya sa-lama 2 tahun sa-lepas memperoleh kelulusan.

2. PENOLONG PENGAJAR, PEMASANGAN DAN PENGGUNAAN MESEN:

Kelayakan2 Minima:

- Mesti-lah lulus peperiksaan City & Guilds Bahagian I dan II dalam Mechanical Engineering Craft Practice ATAU mempunyai kelulusan yang sa-banding yang di-iktiraf.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman praktikal sekurang2-nya sa-lama 2 tahun sa-lepas memperoleh kelulusan.

*Am:

Chalun2 yang berjaya di-kehendaki mengajar teori dan praktikal kepada penuntut2 yang sedang belajar kursus2 City & Guilds siri 820. Keutamaan akan di-beri kepada chalun2 yang boleh bertutor dan menulis Bahasa Melayu. Umur sebaik2-nya lebih dari 25 tahun.

3. PENOLONG PENGAJAR, PEMASANGAN BATA:

Kelayakan2 Minima:

Mesti-lah lulus peperiksaan City & Guilds Bil. 82 atau 608 atau mempunyai kelulusan yang sa-banding yang di-iktiraf.

4. PENOLONG PENGAJAR, MENCHAT DAN MENGHIAS:

Kelayakan2 Minima:

Mesti-lah lulus peperiksaan City & Guilds Bil. 85 atau 615 atau mempunyai kelulusan yang sa-banding yang di-iktiraf.

5. PENOLONG PENGAJAR, PERTUKANGAN KAYU:

Kelayakan2 Minima:

Mesti-lah lulus peperiksaan City & Guilds Bil. 80 atau 605 atau mempunyai kelulusan yang sa-banding yang di-iktiraf.

*Am:

Semua chalun2 mesti-lah mempunyai pengalaman industri dan mesti-lah sanggup membuat kerja2 projek dan juga mengajar teori dan praktikal.

6. PENOLONG PENGAJAR, KENDERAAN BERMOTOR:

7. PENOLONG PENGAJAR, PEMASANGAN LETRIK:

8. PENOLONG PENGAJAR, TALIKOM:

Kelayakan2 Minima:

Mesti-lah lulus Bahagian I dan II peperiksaan City & Guilds yang tertentu atau mempunyai kelulusan yang sa-banding yang di-iktiraf.

*Am:

Semua chalun2 mesti-lah mempunyai pengalaman industri. Chalun2 yang berjaya di-kehendaki mengajar teori dan praktikal kepada penuntut2 yang sedang belajar kursus2 City & Guilds siri 820.

Keutamaan akan di-beri kepada chalun2 yang boleh bertutor dan menulis Bahasa Melayu. Umur sebaik2-nya lebih dari 25 tahun walau bagaimana pun, mesti-lah lebih dari 21 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji T.7 — Brunei \$470x20-510-540x20-660-690x20-710-740x30-890. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang dilantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharu dengan persetujuan bersama. Bagi chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-pe-nohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb. Ogos, 1973.

**MENDERMA-LAH
KAPADA TABONG
PEMBINAAN
STADIUM**



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna telah berangkat merasmikan pameran hasil kerja tangan pelajaran dewasa urusan rumah-tangga di-Sekolah Melayu Puser Ulak Bandar Seri Begawan pada hari Jumaat lepas.

Pameran itu di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa bersempena sambutan perayaan hari puja usia ke-bawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-Daerah Brunei-Muara.

Sa-belum merasmikan pameran itu, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna telah memberikan ucapan (gambar atas).

Perlawanan badminton S'pura/Br malam ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Suffi Bolkliah yang juga sa-laku Penaong Badan Khas Badminton Bandar Seri Begawan akan berangkat untuk melapadzakan sabda ucapan dan sa-terus-nya menyaksikan perlawanan Badminton persahabatan antara Brunei dengan Singapura malam ini di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan mulai jam 8.00 malam.

Perlawanan2 itu juga akan diadakan di-tempat yang sama pada 27hb. Julai 28hb. Julai dan 30hb. Julai di-Kuala Belait.

Penyibar khabar2 angin perlu di-basmi — Pmk. M.B.

(Dari muka 1)

Yang Maha Mulia telah pun meluluskan satu undang2 dan ia-nya telah pun di-kuat kuasakan untuk menghukum siapa jua yang di-dapati bersalah kerana menyebarkan khabar2 angin tersebut.

Menurut undang2 itu, sa-orang yang di-dapati bersalah atas tuduhan menyibar khabar2 angin dalam kes2 yang tertentu boleh di-hukum dengan sa-banyak \$5,000.00 atau tiga tahun penjara atau kedua2nya sekali.

Yang Amat Mulia itu menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah terpengaruh terhadap kha-

bar2 angin yang tidak berasas dan ada-lah lebeh baik bagi orang ramai mengemukakan kepada pehak2 yang berkenaan untuk mendapatkan kepastian.

Dalam majlis itu, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar memuji sikap sa-orang peserta yang ingin tahu kedudukan khabar2 angin berhubung dengan pembekalan beras di-negeri ini dan sikap itu di-harapkan beliau akan dapat di-buat contoh oleh orang lain khas-nya bagi mengetahui kedudukan yang sebenar-nya di-samping dapat membantu mengatasi penyibaran khabar2 angin yang tidak bertanggung jawab.

Brunei membenehkan banyak perwira dan pembesar2 negara yang berjaya

(Lihat muka 5)

mad Hasan dan Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim bin Mohd. Jahfar dan perwira Awang Se-maun seperti yang di-riwayatkan dalam buku itu, di-sifatkan oleh Duli Yang Teramat Mulia, sa-bagai orang2 yang telah mencurahkan jasa laila kebajikan pada zaman mereka masing2 untuk kepentingan negara.

Pembesar2 Negara itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia, ada-lah dari pured keturunan yang baik2, fe'el yang baik2, laila amanah dan jujur terhadap tugas.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan bersabda, sa-bagai raayat Brunei jati kita akan memutek dan mengabadikan mutiara bakti dan jasa yang di-tinggalkan oleh mereka itu untuk panduan keturunan sekarang yang sedang giat membangun negara.

Sementara itu, dalam pengiring kata, penyusun buku itu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja menekankan bahawa Negeri Brunei Darus-salam dalam

proseses persejarahannya telah membenehkan banyak perwira dan pembesar yang berjaya.

"Jasa mereka ini, sa-mestinya-lah kita abadikan untuk ristaan dan tamsil ibarat dalam kekolong degup jantung pembangunan negara sekarang".

Beliau saterus-nya menegaskan bahawa kemajuan dan kemakmoran yang kita nikmati pada masa ini ada-lah lanjutan daripada jasa yang berkebajikan yang di-churahkan oleh anggota2 masyarakat yang terdahulu meninggalkan kita.

Beliau berkata, mereka itu ada-lah umpama beneh yang dalam proses zaman te'ah menjadi pohon yang menghasilkan buah yang ranum untuk halwa keturunan yang kemudian.

Buku "Chatatan Sejarah Perwira2 dan Pembesar2 Brunei" (Jilid II) itu mengandungi halaman sa-tebal 190 muka, berkulit tebal dan berjeket dengan hiasan gambar kulit yang menunjukkan Matawang "Kuwu" yang di-gunakan dalam zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hasan (Sultan Adil).

Bekalan beras chukop—1,800 tan lagi tiba bulan Ogos

(Dari muka 1)

di-dapati membawa lari beras keluar dari Brunei itu, maka tindakan melalui undang2 tetap di-laksanakan, yang tidak hanya akan di-hukum denda, tetapi juga di-penjarakan dalam tempoh2 yang di-tentukan oleh undang2.

Berhubung dengan khabar2 angin yang konon-nya harga beras akan naik, dan menjadikan orang ramai berebut2 membeli beras, Y.A.B. Pemangku Menteri Besar menyeru raayat supaya tidak memperchayai kepada khabar2 yang tidak berasas itu.

Untuk menyakinkan kepada orang ramai, Y.A.B. itu menegaskan bahawa negeri ini ada-lah mempunyai bekalan beras yang mencukupi dan dengan yang demikian harga beras tidak akan berubah.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara seterusnya bersabda, Brunei telah pun menempah beras dari negeri Siam, untuk keperluan2 selanjut-nya dan sa-banyak 1,800 tan akan tiba dalam bulan Ogos.

Bersabda tentang pemilikan lesen mengambil pekerja2 asing, Yang Amat Mulia menerangkan, bahawa Kerajaan tidak mengena-

kan sa-barang bayaran untuk memiliki lesen tersebut.

Yang Amat Mulia bersabda, jika terdapat penerimaan bayaran di-kalangan kaki-tangan Kerajaan dalam jabatan2 yang berkenaan, maka hal itu di-sifatkan-nya sa-bagai perbuatan rasuah.

Jika terdapat perbuatan2 rasuah seperti itu, Y.A.B. Pemangku Menteri Besar menyeru raayat supaya melaporkan segera kepada pehak Polis untuk tindakan2 yang lebeh lanjut.

Menambah sabda, Yang Amat Mulia itu Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Paduka Awg. Haji Abdul Aziz menjelaskan, jika thabit perbuatan2 yang jahat itu di-kalangan pegawai2 kerajaan, maka Kerajaan D.Y.M.M. tidak akan ragu2 untuk melaksanakan tindakan2 tata-tertib terhadap mereka.

Tentang chadangan untuk menubuhkan sa-buah Bank Penanaman Modal, Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz menerangkan. Rancangan Kemajuan Negara yang baru, melalui Unit Perancangan Ekonomi sedang giat mengkaji untuk menubuhkan satu badan yang akan mengelolakan perusahaan2 bumi-putera.

Berucap mengenai chara2 mengatasi kenaikan harga barang di-negeri ini, beliau menisfatkan sa-bagai kurang mendatangkan kesan jika di-adakan undang2 untuk menghadkan sewa2 kedai. Apa yang lebeh baik yang sedang di-pertimbangkan oleh Kerajaan, kata-nya, ia-lah dengan mengadakan lebeh banyak lagi bangunan2 kedai, khas-nya di-sekitar Bandar Seri Begawan.

Mengenai lain2 masaalah yang di-hadapkan dalam majlis itu, para peserta majlis telah di-nasehatkan supaya berhubung dengan Pegawai Daerah atau jabatan2 yang berkenaan, untuk berunding bagi mengatasi-nya.

Majlis dailog di-Pekan Muara itu telah di-pengurusikan oleh Penolong Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Jaya bin Abdul Latif bagi mewakili pegawai2 daerah yang tidak dapat hadir atas suatu sebab yang tidak dapat di-elakkan.

Penjualan beras tidak di-sekat

(Dari muka 1)

mempunyai simpanan beras, tetapi enggan menjual-nya kepada orang ramai.

Laporan2 itu, kata-nya, boleh di-buat segera kepada Pengerusi2 Lembaga Bandaran, atau Pegawai2 Daerah, atau pehak2 Polis atau Pengawal Setor2 dan Perbekalan Negara.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan menegaskan, penipuan2 terhadap raayat yang sa-demikian itu hanya akan dapat di-basmi dengan adanya kerjasama yang erat dari raayat sendiri.

Menegaskan tentang tindakan memotong nama kedai itu dari daftar pembeli2 beras di-Sektor2 dan Perbekalan Negara, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan berkata bahawa ia-nya di-laksanakan ada-lah bagi mempraktikkan dari apa yang telah di-sabdakan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar di-majlis dailog di-Pekan Muara hari Jumaat lepas.

Sementara itu, sa-orang juruchapak Kerajaan telah menafikan dengan keras-nya terhadap dakwaan sa-tengah2 pekedai yang mengatakan Kerajaan menghadkan penjualan beras dalam simpanan mereka dalam jangka dua gantang bagi tiap2 sa-orang pembeli.

Kerajaan tidak pernah mengeluarkan arahan2 seperti itu, bahkan Kerajaan mengehendakan pembekalan beras dari kedai2 itu di-jual menurut yang di-perlukan oleh orang ramai.

Dakwaan yang Kerajaan menghadkan penjualan beras itu, tidak hanya di-sifatkan oleh juruchapak itu sa-bagai palsu, bahkan di-anggap beliau boleh menelorkan satu keadaan yang tidak di-ingini.

Juruchapak itu memberi amaran kepada pekedai2 dan mana2 jua pehak di-negeri ini bahawa perbuatan menggunakan nama Kerajaan bagi satu perkara yang tidak benar itu ada-lah satu perbuatan yang boleh di-amal tindakan melalui Undang2.

Kerajaan, kata-nya, tidak akan teragak2 pada mengambil tindakan melalui Undang2 jika di-dapati berlaku-nya perbuatan2 yang jahat seperti menggunakan nama Kerajaan tanpa kebenaran itu.